

CNS/286
U GB 12-08 00157 BH884
BAH

Mahathir - Kemahiran

SHAH ALAM, 12 Ogos (Bernama) -- Upahan yang lebih baik perlu diberikan kepada pekerja kolar biru bagi mengikis tanggapan negatif terhadap pekerjaan itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berkata, tidak ada cara yang lebih berkesan untuk mengikis tanggapan ini selain daripada memberi upahan yang lebih baik kepada pekerja kolar biru berbanding dengan pekerja kolar putih.

+Jika penghargaan ini dibuktikan maka bekalan pekerja kolar biru akan bertambah dan kemahiran juga akan meningkat,+ katanya pada majlis penyampaian anugerah +Tangan Emas+ pertandingan Johan Kemahiran Kebangsaan 1991 di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pencapaian matlamat untuk menjadi sebuah negara perindustrian bergantung besar kepada kejayaan mewujudkan kumpulan pekerja mahir yang mencukupi di dalam pelbagai bidang.

Katanya, oleh yang demikian, tanggapan negatif ke atas pekerjaan kolar biru wajar diikis di kalangan semua pihak. -- Lagi.

♥12/08/19-03MST

CNS7332

U GB 12-08 00148 BH888

BAH

Mahathir - Kemahiran 2 Shah Alam

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, cadangan memberi upah yang lebih tinggi kepada pekerja kolar biru itu yang meliputi sektor swasta dan sektor awam sedang dikaji oleh kerajaan sebelum satu keputusan muktamad dibuat oleh kabinet.

+Kita berpendapat elok diberi pengiktirafan kepada orang yang dilatih sebagai tukang. Gaji mereka, kalau tak lebihpun mesti sama dengan orang lain yang mempunyai ijazah,+ katanya.

Perdana Menteri berkata bahawa pada zaman teknologi ini, kerja tangan begitu tinggi nilai +bahkan mungkin lebih daripada kerja penulisan+.

Ibu bapa dan para belia khususnya perlu menyedari tentang sumbangan besar yang dibuat oleh pekerja-pekerja kolar biru kepada pembangunan ekonomi negara.

+Usaha-usaha kita untuk melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir dan separuh mahir mungkin akan lebih berjaya jika kita dapat mengubah sikap dan tanggapan masyarakat ke atas pekerjaan kolar biru,+ katanya. -- Lagi.

♥12/08/19-58MST

U GB 12-08 00164 BH889

BAH

Mahathir - Kemahiran 3 Shah Alam

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, sektor pengurusan harus diberi penghargaan yang lebih tinggi daripada pekerjaan kolar biru.

Ketika bercakap kepada pemberita, beliau berkata, tanpa tenaga pengurusan yang cekap, urusan kerja tidak boleh dijalankan dengan licin.

Bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja dalam sektor perindustrian, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, industri di Malaysia harus lebih banyak menggunakan jentera dan teknologi moden.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata bahawa sektor swasta perlu bekerjasama dengan kerajaan dalam mengadakan latihan-latihan meningkatkan kemahiran pekerjaserta bagi memastikan jenis kemahiran yang dijalankan adalah sesuai dengan keperluan industri.

Beliau mengingatkan bahawa kekurangan tenaga mahir boleh menjejaskan minat pelabur asing untuk melabur di negara ini.

Katanya, di bawah Rancangan Malaysia Keenam, kerajaan akan menaik taraf beberapa buah sekolah vokasional ke tahap politeknik selaras dengan dasar kerajaan bagi menambah bilangan tenaga mahir di samping meluluskan \$8,501 juta di bawah RM6 bagi program pendidikan dan latihan. -- Bernama.